

08 SEP 1998

PEMUDA PERLIS MAHU PENDIRIAN ZAHID

KANGAR, 8 Sept (Bernama) -- Pergerakan Pemuda UMNO Negeri Perlis mahukan Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia, Datuk Ahmad Zahid Hamidi segera menyatakan pendiriannya dalam isu pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada jawatan kerajaan dan parti.

Ketuanya, Zahidi Zainul Abidin berkata, selagi Zahid tidak menyatakan pendiriannya, selagi itu terus timbul tanda tanya tentang pendirian ketua mereka itu.

Beliau menegaskan, pendirian Zahid diragui kerana walaupun beliau membuat kenyataan menyokong pemecatan Anwar bagi pihak Pemuda Barisan Nasional, beliau kemudiannya dilihat turut bersama Anwar yang dipecat jawatannya daripada kerajaan dan parti.

Zahidi mengakui kalangan ahli Pergerakan Pemuda sendiri masih dalam keraguan untuk menghadapi isu itu, tetapi kebanyakan mereka yakin tindakan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memecat Anwar adalah tepat.

Beliau merancang mengatur perjumpaan dengan jawatankuasa Pergerakan Pemuda ketiga-tiga bahagian Umno di negeri ini iaitu Umno Bahagian Kangar, Arau dan Padang Besar untuk membincangkan langkah yang harus diambil dalam menangani isu sekarang.

Sementara itu, Ketua Pergerakan Wanita UMNO Negeri, senator Mastika Junaidah Hussain berkata, beliau akan memanggil mesyuarat dengan jawatankuasa wanita di ketiga-tiga bahagian di negeri ini esok atas tujuan mengatur program memberi penerangan.

-- BERNAMA

RIS PR